



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

## SIARAN MEDIA YB MENTERI PENGANGKUTAN

### Lanjutan Had Usia Penggunaan Kenderaan Teksi dan E-hailing & Penambahbaikan Prosedur Lesen Vokasional

1. Dalam usaha memudahcara ekonomi gig dan membantu para pemandu teksi, e-hailing dan p-hailing, sukacitanya saya ingin mengumumkan bahawa Kementerian Pengangkutan Malaysia akan melancarkan 2 dasar pembaharuan, iaitu:
  - a. Had usia maksima penggunaan kenderaan dalam kelas teksi dan e-hailing dilanjutkan daripada 10 tahun kepada 15 tahun, berkuatkuasa dari 1 Januari 2023.
  - b. Penambahbaikan prosedur Lesen Vokasional –Pemansuhan ujian teori & kelas teori atas talian.
2. Dasar kenaikan had usia terpakai ke atas semua kenderaan e-hailing di seluruh negara dan semua teksi di Semenanjung Malaysia merangkumi teksi biasa, teksi lapangan terbang dan teksi mewah.
3. Selaras dengan pengumuman ini, had usia melesen akan dikemaskini kepada 14 tahun. Ini bermaksud mana-mana kenderaan yang hendak dilesenkan bagi tujuan teksi dan e-hailing mesti berbuat demikian sekurang-kurangnya setahun sebelum had usia 15 tahun.
4. Dengan ini, pihak kerajaan membenarkan kenderaan yang telah mencapai had usia 10 tahun terdahulu namun masih belum mencapai usia 15 tahun untuk kembali beroperasi.
5. Saya ingin menekankan bahawa penggunaan kenderaan teksi dan e-hailing adalah sentiasa tertakluk kepada kelulusan **pemeriksaan berkala** untuk memastikan hanya kenderaan yang mematuhi syarat-syarat teknikal dan ciri-ciri keselamatan dilesenkan untuk beroperasi di atas jalan raya.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

6. Dengan pelaksanaan dasar baharu had usia 15 tahun ini, saya berharap beban di atas bahu para pemandu teksi serta e-hailing dapat diringankan serba sedikit khususnya untuk golongan pemandu yang amat terkesan dalam tempoh PKP Covid-19 dari tahun 2020 hingga tahun 2022. Sekiranya tempoh had usia dikekalkan pada 10 tahun, ramai pemandu terpaksa menanggung kos besar untuk membeli kenderaan yang baru dengan cara berhutang walaupun sumber pendapatan mereka masih tidak menentu.
7. Berkenaan dengan had usia teksi di Sabah, WP Labuan dan Sarawak, dasar sedia ada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan LPKP Sarawak masih terpakai.
8. Perincian had usia baharu adalah seperti berikut:

	Jenis Kenderaan	Had Usia Lama	Had Usia Baharu
Semenanjung Malaysia (APAD)	E-hailing	10 tahun	15 tahun
	Semua Teksi	10 tahun	15 tahun
Sabah dan WP Labuan (LPKP Sabah)	E-hailing	10 tahun	15 tahun
	Teksi Lapangan Terbang	15 tahun	Tiada Perubahan
	Teksi Bandar	20 tahun	Tiada Perubahan
	Teksi Luar Bandar	30 tahun	Tiada Perubahan
Sarawak (LPKP Sarawak)	E-hailing	10 tahun	15 tahun
	Semua Teksi	18 tahun	Tiada Perubahan

9. Pihak Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), LPKP Sabah dan LPKP Sarawak akan membuat pemakluman lanjut berhubung tarikh mula permohonan dibuka untuk membolehkan





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

pengendali dan pemandu teksi dan e-hailing datang ke kaunter untuk melesenkan dan memperbaharui permit dengan ketetapan dasar baru had usia ini.

## **Penambahbaikan Prosedur Lesen Vokasional**

10. Berkenaan dengan penambahbaikan prosedur Lesen Vokasional yang terdiri daripada kategori Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) dan Lesen Kenderaan Barangan (GDL), langkah-langkah berikut akan diambil:
- i. Pemansuhan ujian teori untuk semua Lesen Vokasional
  - ii. Kelas teori untuk Lesen Vokasional boleh dilaksanakan secara atas talian

### ***i. Pemansuhan Ujian Teori Lesen Vokasional***

11. Berkenaan dengan pemansuhan ujian teori bagi pengambilan Lesen Vokasional (PSV & GDL) hanya perlu menduduki dan melengkapkan kelas teori sedia ada sahaja sebelum dikeluarkan Lesen PSV.
12. Namun calon-calon bagi kategori Lesen PSV untuk Bas dan GDL untuk Lori Bersendi masih wajib melalui latihan dan lulus ujian amali/praktikal sebelum mendapat Lesen Vokasional.

### ***ii. Kelas Teori Atas Talian untuk Lesen Vokasional***

13. Selaras dengan hasrat pendigitalan Kementerian Pengangkutan, pelaksanaan kelas teori bagi semua kategori Lesen Vokasional juga akan dibenarkan secara atas talian, sama ada menerusi platform disediakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Institut Memandu (IM) atau syarikat perniagaan pengantaraan yang berkelayakan yang telah dikawalselia oleh JPJ. Tempoh masa kelas teori sedia ada adalah dikekalkan.
14. Mana-mana pihak IM atau syarikat perniagaan pengantaraan, hendaklah menggunakan modul/silibus pengajaran kelas teori Lesen Vokasional atas talian yang ditetapkan oleh JPJ sepenuhnya.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

15. Pihak JPJ akan menetapkan syarat-syarat dan peraturan berkaitan kelayakan penyediaan platform atas talian dan mengawal selia kelas teori bagi memastikan kesahihan dan integriti calon. Data-data dan maklumat kehadiran calon akan diintegrasikan dengan sistem MySIKAP bagi membolehkan Lesen Vokasional dikeluarkan secara terus kepada calon tanpa memerlukan kehadiran secara fizikal ke kaunter JPJ.
16. Silibus kelas teori bagi semua kategori Lesen Vokasional terutamanya melibatkan perkhidmatan *e-hailing*/teksi akan disemak semula dan ditambahbaik oleh JPJ/MIROS dengan mendapatkan input daripada pihak industri agar relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan. Penambahbaikan silibus akan dimuktamadkan dalam tempoh enam (6) bulan.
17. Akhirnya, saya ucapkan terima kasih kepada semua pengendali dan pemandu teksi dan e-hailing yang sentiasa komited untuk menyediakan perkhidmatan, serta agensi-agensi di bawah Kementerian seperti JPJ, APAD dan LPKP yang akan melaksanakan dasar baharu Kementerian ini dengan penuh dedikasi.

**-TAMAT-**

---

#### **Tentang MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

#### **Pertanyaan Media**

**Setiausaha Akhbar Menteri**  
**En. Lu Wei Hoong**  
lwh@mot.gov.my

**Unit Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Pengangkutan**

Tel 1800 88 7723 (Unit Komunikasi Korporat)  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN



[www.mot.gov.my](http://www.mot.gov.my)



motmalaysia



ministryoftransportmy